

INFOGRAFIKA



Wartawan:
Mohd Azam Shah Yacob
mohdazam@metro.com.my




Grafik:
Salim Gawan
norsalim@metro.com.my



Grafik:
Aida Farah Rami
aidafarah.rami@gmail.com



Portret Magellan



Misi pelayaran Ferdinand Magellan ke Kepulauan Rempah

Siapa sebenarnya Panglima Awang dan apa perannya dalam misi pelayaran Ferdinand Magellan ketika mengelilingi dunia sekitar 1511 hingga 1522 terus menjadi tanya dalam kalangan pengkaji sejarah hingga hari ini.

Ini kerana tiada sebarang dokumen yang menjelaskan nama sebenarnya melainkan dicatat sebagai 'Enrique de Malacca' dalam jurnal yang dicatat Antonio Pigafetta serta menerusi wasiat Magellan.

Namun, apa yang pasti adalah Panglima Awang tersenarai sebagai antara pelayar pertama yang mengelilingi dunia dan sudah pastinya Melayu pertama berbuat demikian.

Ini dibuktikan oleh wasiat Magellan pada 1519 yang berbunyi "...my captured slave Enrique, mulatto, native of the city of Malacca...was from Sumatra (Zamatra) atau bermaksud "...hamba ditangkap saya Enrique, berkulit gelap, pribumi bandar Melaka...adalah dari Sumatera."

Menerusi catatan berkenaan, adalah jelas bahawa Enrique de Malacca adalah orang Melayu cuma siapa dirinya yang sebenar masih belum jelas hingga hari ini.

Malah, nama 'Panglima Awang' yang diguna pakai kini juga asalnya diberikan

Enrique de Malacca Pelayar Melayu pertama mengelilingi dunia



"Rahsia yang masih kita belum dapat rungkai hingga ke hari ini adalah siapa Panglima Awang sebelum dia ikut misi Magellan"

Prof Emeritus Dr Hashim Musa
Pensyarah Jemputan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Harun Aminurrashid yang menulis naskah novel sejarah bertajuk Panglima Awang pada 1958.

Menurut Pensyarah Jemputan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Emeritus Dr Hashim Musa, kejayaan Panglima Awang itu bukan lagi rahsia berikutan namanya terpampang jelas dalam jurnal ditulis Pigafetta serta wasiat Magellan.

Catatan itu menjadi bukti orang Melayu turut menjadi antara pelayar pertama yang berjaya mengelilingi dunia bersama Magellan.

"Menerusi dua sumber bertulis itu, ia sudah cukup kuat untuk membuktikan peranan serta kejayaan Panglima Awang.

"Cuma yang yang masih menjadi tanda tanya kita sehingga kini adalah, siapa sebenarnya Panglima Awang dan apakah peranannya dalam misi pelayaran berkenaan," katanya.

Hashim berkata, menerusi daftar kapal Trinidad, iaitu kapal utama yang mengetuai empat lagi buah kapal iaitu San Antonio, Concepcion, Santiago dan Victoria, Panglima Awang didaftarkan sebagai penterjemah atau jurubahasa dengan gaji sebanyak 1,500 Merevedis.

Jumlah gaji itu lebih tinggi

daripada gaji diterima 46 kru lain yang menerima sekitar 1,000, 800 dan 500 meravedis saja.

"Jika merujuk kepada daftar kapal Trinidad, hanya ada enam orang yang menerima gaji 1,500 maravedis dan diberikan kepada kru yang berperanan penting saja.

"Jelas di sini, Panglima Awang sudah pastinya bukan orang atau hamba tawanan biasa sebaliknya mempunyai kepakaran tersendiri. Jika tidak, manakan sanggup Magellan membayar harga setinggi itu bagi seorang hamba biasa dan berbeza dengan bayaran diterima kru lain," katanya.

Hashim berkata, terdapat kemungkinan bahawa Panglima Awang adalah orang penting ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka sebelum diserang serta ditakluk oleh Portugis.

Cuma yang menjadi tanda tanya, siapa Panglima Awang yang sebenar sebelum dibaptis dan diberi nama Enrique oleh Ferdinand Magellan.

"Rahsia yang masih kita

belum dapat rungkai hingga ke hari ini adalah siapa Panglima Awang sebelum dia ikut misi Magellan.

"Sebabnya, tidak mudah bagi seorang hamba untuk mendapat kepercayaan serta dibayar gaji tinggi pada zaman itu kerana hamba lazimnya bekerja tanpa gaji atau upah," katanya.



Peta Pedro Reinel menjadi panduan pelayaran Magellan